

E. ADTEC KULIM LAWAT KUKUM

Seramai 11 orang kakitangan dan pengajar Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim, Kedah telah melawat Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 12 Oktober lalu. Lawatan yang diketuai oleh Encik Ghazlan bin Ghazali, Pengarah ADTEC itu antara lain bagi mendapatkan maklumat latihan dan mengadakan perbincangan mengenai program-program latihan lanjutan yang disediakan di universiti ini.

Semasa di sini mereka telah diberikan taklimat ringkas mengenai latar belakang universiti serta kursus-kursus yang disediakan oleh Prof. Madya Dr. Uda Hashim, Dekan Penyelidikan dan Pembangunan yang juga merangkap Penyelidik dan Pakarunding Mikroelektronik dan Nanoelektronik. Bagi melengkapkan atucara lawatan, para pelawat dari ADTEC itu juga telah dibawa melawat ke Makmal Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan KUKUM di tingkat sembilan Bangunan KWSP dan Makmal 'Clean Room' KUKUM di Kuala Perlis.